

CNS4580

U GB 18-07 00161 BB194

aab

Mahathir - Jambatan

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta DAP menyatakan pendiriannya mengenai cadangan pembinaan jambatan kedua menghubungkan Malaysia dengan Singapura.

Katanya, beliau ingin memberi peluang kepada Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang membuat keputusan dalam soal itu terutama sama ada jambatan itu hendak dilaksanakan atau tidak.

+Jika tidak, ahli yang berhormat (dari Tanjung, Encik Lim) boleh umumkan DAP menentang sebarang jambatan baru dibuat antara Singapura dan Malaysia dan menerima tanggungjawab menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor,+ katanya ketika menggulung perbahasan mengenai usul Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat.

Katanya, jika DAP berpendirian bahawa jambatan baru antara Singapura dan Malaysia perlu dibina untuk kepentingan ekonomi negara, ia hendaklah menentukan tapak pembinaan jambatan itu.

Parti itu juga hendaklah bertanggungjawab mendapatkan persetujuan kerajaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura dan sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang diperlukan, katanya. -- Lagi

♥18/07/20-26MST

U GB 18-07 00182 BB195

aab

Mahathir - Jambatan 2 Kuala Lumpur

Katanya, DAP juga harus membayar ganti rugi dan penempatan semula penduduk yang perlu dipindahkan dari kawasan baru pilihan DAP.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau membuat +tawaran+ itu kepada DAP kerana menurutnya parti itu telah menghasut penduduk Gelang Patah supaya menyekat pembinaan jambatan yang dicadangkan oleh kerajaan.

Katanya, projek itu penting kepada ekonomi negara memandangkan Tambak Johor sudah tidak mampu lagi menampung keperluan lalu lintas.

Katanya, hanya dengan mengadakan jambatan baru yang berjauhan dari Johor Baharu sahaja dapat mengatasi masalah laluan antara Singapura dengan Malaysia di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata tidak ada perkara luar biasa yang berlaku dalam pemberian kajian kesesuaian projek itu kepada UEM (United Engineers Malaysia) kerana tidak ada syarikat lain yang mengemukakan cadangan yang lebih baik.

+Tidak ada sebab kerajaan mesti menyenaraihitam UEM semata-mata kerana tuduhan oleh Yang Berhormat (dari Tanjung) bahawa syarikat ini adalah milik Umno,+ katanya.

Katanya, memandangkan Umno mempunyai 1.5 juta anggota, tidak hairan jika ada anggota Umno dalam syarikat UEM. -- Bernama

♥18/07/20-27MST